

PEMERKASAAN EKONOMI DIGITAL, TRANSFORMASI PERTANIAN PINTAR

KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN**INFO@MAFI****MAJLIS
PELANCARAN
SYILING
PERINGATAN**50
Jubli Emas
1971-2021



MAJLIS PELANCARAN SYILING PERINGATAN 50 TAHUN LKIM

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, telah melancarkan Duit Syiling Peringatan 50 Tahun Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Wisma LKIM, Pulau Meranti, Puchong. Turut hadir dalam majlis pelancaran ini, Datuk Haslina Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal, Pengurus LKIM, Encik Yusoff bin Othman, Ketua Pengarah LKIM dan Wakil Bank Negara Malaysia (BNM) iaitu Encik Abu Hassan Alshari Yahaya, Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia. Duit Syiling 50 Tahun LKIM ini telah direka bentuk dan diterbitkan secara eksklusif oleh Bank Negara Malaysia khusus untuk LKIM sempena sambutan Jubli Emas 50 Tahun LKIM pada 1 November 2021.

Konsep utama duit syiling ini adalah daripada gabungan warna dan kesan khas 3 dimensi (3D). Ianya memberikan penekanan kepada warna biru laut sebagai gambaran bahawa laut adalah lubuk peluang, tempat yang menjadi sumber rezeki kepada para nelayan.

Ukiran ini disifatkan sebagai peristiwa penting bagi memperingati Sambutan 50 Tahun yang pastinya penuh sejarah sejak organisasi ini ditubuhkan pada tahun 1971, sebagai sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

Pada bahagian belakang, kelihatan juga ukiran nama "Bank Negara Malaysia" iaitu penerbit rasmi yang mengeluarkan duit syiling numismatic ini. Ia dilengkapkan dengan logo rasmi berwarna, "50 Jubli Emas 1971- 2021" pada bahagian tengahnya.

Ukiran nilai muka "10 Ringgit" di sudut bahagian bawah syiling turut dipaparkan membawa maksud nilai denominator bagi duit syiling tersebut. Terdapat juga ukiran abstrak ombak yang memberi maksud cabaran dan peluang yang dihadapi oleh LKIM dalam memartabatkan industri perikanan di Malaysia.

Duit Syiling ini adalah manifestasi atas pencapaian dan kejayaan 5 abad penubuhan LKIM berteraskan pada sifat dedikasi, kerja kuat dan kesungguhan kerjasama di antara para nelayan dan pihak LKIM bagi memastikan pembangunan industri perikanan bergerak senada dan efisyen.

MAFI melalui agensinya LKIM telah dan akan sentiasa memainkan peranan yang penting dan berkesan sebagai agensi yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga kebijakan, memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi nelayan dengan penumpuan kepada peningkatan pendapatan dan memajukan perusahaan perikanan negara serta memastikan bekalan ikan mencukupi di seluruh negara.



MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) DI ANTARA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN MALAYSIA DAN KEMENTERIAN PERTANIAN DAN PERIKANAN SABAH

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dan Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah, hari ini memeterai tiga memorandum persefahaman (MOU) disaksikan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan, Menteri Pertanian dan Perikanan Sabah (MAFS).

MOU yang pertama adalah antara Kerajaan Persekutuan yang diwakili oleh MAFI dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) dengan Kerajaan Negeri Sabah yang diwakili oleh MAFS. Kerjasama untuk mengembangkan industri nanas di Negeri Sabah antara MAFI, LPNM dan MAF Sabah adalah seiring dengan hasrat kita bersama untuk meningkatkan sektor pertanian dan bagi membantu petani-petani dan pengusaha-pengusaha di Negeri Sabah. Bagi tujuan pembangunan industri nanas di Negeri Sabah, projek usahasama antara MAFI, LPNM dan MAF Sabah akan dinamakan sebagai Projek Perintis Pembangunan Industri Nanas Negeri Sabah untuk menggalakkan pembangunan dan pengeluaran nanas di Negeri Sabah menerusi teknologi dan kaedah yang terkini. Sebanyak RM1 juta diperuntukkan pada tahun 2022 oleh MAFI menerusi LPNM bagi projek tersebut.

MOU yang kedua adalah diantara Agrobank dan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO) bagi mewujudkan kerjasama strategik dalam aktiviti pelaburan dan meningkatkan sinergi antara dua organisasi dibawah MAFI dan MAFS dalam membangunkan Sabah Agroindustrial Precint (SAIP). SAIP merupakan sebuah presint teknologi yang berfungsi sebagai platform untuk pembangunan industri asas tani yang memberi tumpuan kepada pembangunan agromakanan dan tanaman khusus/produk semulajadi didorong oleh inovasi pemprosesan teknologi dan R&D di kawasan seluas 215 ekar terletak di Kimanis Papar.



Manakala, MOU ketiga adalah antara MARDI dan Karkun Sdn. Bhd. yang bertujuan untuk memperkuatkan, menggalakkan dan mengadakan kerjasama dalam bidang pembangunan usahawan produk berdasarkan tomato melalui perundingan khidmat nasihat teknikal pembangunan kilang dan teknologi pemprosesan. Kerjasama strategik ini akan meningkatkan ekonomi komuniti setempat dengan pembangunan kilang pemprosesan produk berdasarkan tomato selain turut mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan kepada penduduk sekitar.

Kementerian akan terus menumpukan usaha bagi meningkatkan jaminan bekalan makanan negara melalui pelbagai usahasama strategik bersama Kerajaan Negeri serta agensi dibawahnya demi menjamin sekuriti makanan selain membantu petani dan pengusaha agromakanan bagi mendapatkan hasil pertanian segar berteknologi tinggi untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran tanaman dan pemprosesan makanan melalui aplikasi teknologi terkini.

Turut hadir menyaksikan Majlis Menandatangani MOU ini, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, YB Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi Haji Salleh, YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha MAFI, TKSU (Pembangunan) MAFI, YBhg. Datuk Badrul Hisham Mohd, YBhg. Datuk Dr. Mariana Tinggal, Setiausaha Tetap, Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah, Ketua-Ketua Pengarah, Pengurusan Tertinggi serta Pegawai Kanan Jabatan dan Agensi MAFI dan MAF Sabah.



MENERIMA KUNJUNGAN HORMAT DUTA BESAR BELANDA KE MALAYSIA H.E. AMBASSADOR AART JACOBI DI WISMA TANI, MAFI

Belanda merupakan negara pengeluar pertanian kedua terbesar di dunia. Teknologi unggul, amalan pertanian yang maju dan canggih serta penyelidikan mampu menjadikan Belanda sebagai negara pengeluar dan pengeksport komoditi pertanian yang penting di pasaran global. Bagi tahun 2021, Malaysia mengimport hasil dan produk pertanian sebanyak RM1.3 bilion dari Belanda, manakala jumlah eksport hasil dan produk pertanian Malaysia ke Belanda adalah sebanyak RM5.43 bilion. MAFI melalui Jabatan Pertanian (DOA) sedang dalam proses rundingan bersama pihak Belanda untuk mewujudkan sistem sijil elektronik (eCert).

Baru-baru ini, pemain industri dalam bidang pertanian di Malaysia turut mengadakan kerjasama menerusi Memorandum Persefahaman (*Memorandum of Understanding - MoU*) dengan beberapa syarikat Belanda yang mempunyai kepakaran dalam bidang pertanian terutamanya dalam teknologi hortikultur, penghasilan biji benih dan pengurusan perosak bersepadu (*integrated pest management - IPM*). MAFI akan terus mengukuhkan hubungan baik dengan Belanda, terutamanya melalui peluang kerjasama dua hala dalam bidang pertanian moden, industri makanan dan pelaburan pertanian di Malaysia.

Turut hadir, YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid, KSU MAFI, YBhg. Datuk Badrul Hisham bin Mohd, TKSU (Pembangunan) MAFI, Ms. Nor Sam binti Alwi, TKP (Pengurusan & Regulatori) DOA, Dr. Asfaliza binti Ramli (Pembagunan & Operasi) MARDI, En. Mohd Faizal bin Harun, SUB (Antarabangsa) MAFI. Turut bersama dari Kedutaan Belanda di Malaysia, Mr. Machiel van Stralen, First Secretary/Deputy Head of Economic Section dan Ms. Li Huan Hoh, Senior Policy Advisor for Agriculture Affairs.



LAWATAN KE LADANG PENTERNAKAN IKAN IKANFRESH YANG DIUSAHAHKAN OLEH SYARIKAT TAIACE DI REMBIA, MELAKA

Taiace merupakan syarikat berunsurkan teknologi yang kini melibatkan diri dalam pengusahaan penternakan ikan.

Syarikat ini berharap dengan menggabungkan teknologi moden dalam ternakan ikan dapat meningkat kecekapan, meningkat pengeluaran dan menguntungkan. Syarikat ini menternak ikan keli, patin, kelah dan talapia merah.

Terdapat 13 kolam yang sedang diusahakan dan syarikat bercadang untung mengembangkan sehingga 60 kolam.

Dalam tempoh jangka panjang, syarikat Taiace juga bercadangkan untuk mengembangkan ternakan di 3 negeri dan semuanya akan disambung ke dalam sistem rangkaian IOT.





MAJLIS PERASMIAN MY BEST BUY RAYA KARNIVAL

Majlis Perasmian My Best Buy Raya Karnival yang telah disempurnakan oleh YB Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Ustaz Dr Nik Zawawi Bin Salleh.

Pelbagai keperluan raya seperti ayam, daging, kuih raya dan banyak lagi dijual dengan harga rendah dan harga promosi Happy Hour serta program-program demonstrasi masakan oleh chef-chef terkenal turut diadakan.



MALAYSIA ANIMAL LOVING DAY

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) menganjurkan 'Malaysia Animal Loving Day 2022' (MALD2022) bertujuan mendidik masyarakat mengenai pentingnya kasih sayang dan ihsan terhadap haiwan serta memupuk kesedaran awam menjadi pemilik haiwan yang bertanggungjawab. Sambutan selama dua hari, pada 1 dan 2 April tersebut telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II (MAFI), Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh bertempat di Dewan Serbaguna MAFI, Putrajaya.

Seramai 200 tetamu jemputan dari seluruh Malaysia mewakili jabatan dan agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi, NGO dan Persatuan Pencinta Haiwan, Persatuan Veterinar serta pihak terlibat dalam industri haiwan telah turut serta memeriahkan sambutan MALD 2022. Dalam majlis tersebut juga, YB Timbalan Menteri MAFI turut melancarkan 'Pelan Strategik Kebajikan Haiwan Kebangsaan 2021-2030'.



ANTARA LAIN, PELAN INI MENGGARISKAN TIGA STRATEGI SEPERTI:

Memperkuatkukan penguatkuasaan Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan lain-lain perundangan yang berkaitan.

Mewujudkan jalinan kerjasama dengan pelbagai pihak bagi pembangunan berterusan untuk memperkuatkukan kebajikan dan kesejahteraan haiwan

Meneraju konsep kebajikan dan ihsan haiwan berdasarkan budaya sosial masyarakat tempatan





Bersetuju dengan objektif pengajuran MALD 2022, sebagai platform perkongsian informasi dan pemahaman perundangan, peraturan dan garis panduan yang dikuatkuasakan di bawah Akta Kebajikan Haiwan 2015, DVS dengan kerjasama strategik beberapa NGO dan Persatuan Pencinta Haiwan seperti Kelab Kucing Malaysia (KKM) dan institusi pengajian tinggi tempatan akan sentiasa memastikan kempen kesedaran awam mengenai tanggungjawab, kasih sayang dan ihsan terhadap haiwan dapat terus dilaksanakan melalui pelbagai strategi pendekatan, aktiviti dan promosi.

Turut hadir di majlis perasmian ‘Malaysia Animal Loving Day 2022’ adalah Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan Datuk Haslina Abd. Hamid, dan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr Norlizan Mohd. Noor.



PROGRAM AGIHAN BUBUR LAMBUK KEPADA WARGA MAFI | WISMA TANI, PUTRAJAYA



MAJLIS IFTAR DAN SOLAT TARAWIH MAFI | WISMA TANI, PUTRAJAYA





جلجه اسقیرسي

JELAJAH *Aspirasi* >>>
#KELUARGAMALAYSIA

2 - 4 JUN 2022

KOMPLEKS SUKAN NEGERI TERENGGANU,
 KUALA NERUS, TERENGGANU DARUL IMAN
9.00 PAGI - 6.00 PETANG

کوارک مليسيا



عملکن SOP ترکینی فاسا ڦالیهں ک ایندیمیک
 AMALKAN SOP TERKINI FASA PERALIHAN KE ENDEMIK

WWW.KELUARGAMALAYSIA.GOV.MY

MYKELUARGAMSIA MYKELUARGAMALAYSIA

SIDANG REDAKSI:

PENAUNG:
**YBHGS. DATO'
 HASLINA BINTI
 ABDUL HAMID**
 KETUA SETIAUSAHA
 KEMENTERIAN PERTANIAN
 DAN INDUSTRI MAKANAN

KETUA EDITOR:
**SALMAH BINTI
 RAMLI**

EDITOR:
**NURIL
 MUTMAINNAH
 BINTI ROSLAN**

PENULIS:
**SAYASWARY A/P
 SURNARAYANA**

GRAFIK:
**SURAIYA
 HANI BINTI
 ZAMARI**

JURU FOTO:
**MOHD NAJIB
 BIN ABDUL
 JABAR**

IDEA, KONSEP &
 TERBITAN:
**UNIT KOMUNIKASI
 KORPORAT, MAFI**